



**KETUA PENGARAH KERJA RAYA**  
**Jabatan Kerja Raya Malaysia**  
Ibu Pejabat JKR Malaysia  
Jalan Sultan Salahuddin  
50582 Kuala Lumpur



Telefon : (03) 2610 7001  
Faks : (03) 2698 8187  
Laman Web : <http://www.jkr.gov.my>

No. Rujukan : JKR.KPKR.113.020.050/03 Jld.7 ( 25 )

Tarikh : 27 Oktober 2014

Semua Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR  
Semua Pengarah Kerja Raya Negeri  
Semua Pengarah/Pengurus Pembinaan  
Pengarah JKR Unit Khas KESEDAR  
Semua Jurutera Daerah

## **SURAT ARAHAN KPKR BIL. 17/2014**

### **PENJADUALAN KERJA PERINGKAT PRA PEMBINAAN BANGUNAN**

#### **1. TUJUAN**

Surat Arahan ini bertujuan untuk memperkemaskan proses prapembinaan bangunan dengan menggariskan tempoh pelaksanaan perancangan projek melalui penggunaan templat penjadualan kerja piawai.

#### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Terdapat kelemahan dan ketidakseragaman untuk perancangan yang baik di peringkat pra pembinaan bangunan oleh Pengurus Program terutamanya berkaitan tempoh perancangan sesuatu projek buat masa ini. Ia dikenalpasti sebagai salah satu sebab sesuatu projek tidak mencapai sasaran tempoh siap seperti yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan JKR.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 4001



CERTIFIED TO ISO 14001:2004  
CERT. NO.: ER 0281



- 2.2 Oleh yang demikian, adalah menjadi satu keperluan bagi mewujudkan satu kaedah yang sistematik supaya boleh digunapakai semasa peringkat pra pembinaan bangunan sebagai garis panduan. Ia membolehkan proses perancangan dan pemantauan dilaksanakan dengan lebih berkesan oleh Pengurus Program dan Pengurus Projek JKR.

### 3. **TEMPLAT JADUAL PELAKSANAAN PRA PEMBINAAN BANGUNAN**

- 3.1 Templat yang dibangunkan ini menggariskan tempoh pelaksanaan projek di JKR agar tidak melebihi tempoh pelaksanaan yang ditetapkan serta bagi mengelakkan pertindihan projek pada tahun berikutnya. Ia dibangunkan mengikut tiga (3) kriteria utama perolehan projek di dalam JKR iaitu Konvensional Dalaman, Konvensional Perunding dan Reka & Bina (**Rujuk Lampiran A, B dan C**)
- 3.2 Fasa-fasa utama peringkat pra pembinaan bangunan yang diambil kira tempoh perlaksanaannya termasuklah:-
- a. Penerimaan dan Strategi Pelaksanaan Projek.
  - b. Perancangan merangkumi proses lantikan perunding, ukur tanah dan *desk study* siasatan tanah.
  - c. Rekabentuk konsep, awalan dan terperinci.
  - d. Perolehan sehingga Surat Setuju Terima.
- 3.3 Cadangan tempoh bagi peringkat pra pembinaan bangunan semua projek JKR yang dijalankan secara tender terbuka adalah dalam tempoh 12 hingga 15 bulan sejajar dengan Piagam Pelanggan JKR. Walau bagaimanapun, ia masih tertakluk kepada tiga (3) asas penting sebelum sesebuah projek dimulakan iaitu skop yang jelas, peruntukan yang mencukupi serta pemilikan tapak projek oleh pelanggan.

#### **4. PENGGUNAAN TEMPLAT**

- 4.1 Semua Pengurus Program/HOPT Sektor Bisnes di Ibu Pejabat JKR adalah disaran untuk menggunakan templat penjadualan kerja ini dalam membuat perancangan projek bangunan di cawangan Ibu Pejabat JKR atau JKR Negeri. Ia juga perlu dijadikan sebagai alat pemantauan pelaksanaan bagi setiap fasa di peringkat pra pembinaan.
- 4.2 Bagi melancarkan pelaksanaan penggunaan templat ini, Pengarah Cawangan disaran agar dapat mengadakan latihan dan mewujudkan pegawai-pegawai yang berkepakaran dalam penggunaan *Microsoft Project* di cawangan masing-masing.

#### **5. EDARAN TEMPLAT**

- 5.1 Templat Penjadualan Kerja Pra Pembinaan ini boleh diakses melalui laman web JKR melalui <http://www.jkr.gov.my>. Sebarang pindaan atau perubahan kepada dokumen ini akan dikemaskini dalam laman web berkenaan. Sekiranya terdapat sebarang cadangan dan pertanyaan lanjut, sila hubungi :

Pengarah Kanan  
Cawangan Pengurusan Projek Kompleks  
Ibu Pejabat JKR Malaysia,  
Tingkat 28, Menara PJD,  
No. 50, Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur.  
(u.p : Pejabat Portfolio)  
Tel : 03- 2618 7616  
Fax : 03- 4041 1940

## 5. KUAT KUASA

Surat Arahan ini berkuat kuasa serta-merta dan terpakai bagi tempoh **TIGA TAHUN** dari tarikh ianya ditandatangani melainkan jika terdapat arahan dasar terkini atau perkembangan baru yang memerlukan dikaji semula.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



.....  
**(DATO' IR. HJ. ANNIES BIN MD. ARIFF)**  
Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia  
Malaysia

- s.k.
- Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bisnes)
  - Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pengurusan)
  - Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
  - Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti, Cawangan Pengurusan Korporat